

WAZAN UPM komited lahir pelajar asnaf kelas pertama

Umat Islam diperintahkan mengeluarkan zakat, sama ada zakat fitrah yang ditunaikan setiap kali tibanya Ramadan dan zakat harta yang wajib dikeluarkan apabila kadar serta tempoh masa lebih daripada mencukupi

Hasil kutipan zakat itu perlu diagihkan kepada lapan golongan asnaf yang berkelayakan selaras ke-tetapan syarak.

Golongan asnaf yang paling ramai menerima zakat adalah daripada kalangan fakir, miskin dan fisabilillah. Pelajar universiti juga tidak terkecuali daripada senarai gabungan ketiga-tiga golongan berkenaan kerana kebanyakannya mereka menghadapi masalah kewangan untuk meneruskan pengajian ke peringkat tertinggi.

Lantaran itu, Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen, Universiti Putra Malaysia (WAZAN UPM), sebagai contoh, mengambil langkah proaktif yang sangat murni bagi membela nasib pelajar yang fakir dan miskin ini melalui pemberian bantuan zakat serta program pembangunan asnaf yang bakal menjadi titik tolak kepada melahirkan pelajar asnaf kelas pertama.

Selaras status lantikan diberikan Lembaga Zakat Selangor kepada UPM sebagai penolong amil, WAZAN UPM berperanan menerima kutipan zakat dan mengagihkan separuh daripada keseluruhan ku-

tipan itu kepada golongan asnaf daripada kalangan warga UPM yang layak menerimanya.

Masyarakat yang berada di sekitar UPM dan Serdang sebenarnya mempunyai platform yang mudah dan cepat untuk menunaikan tanggungjawab membayar zakat supaya kutipannya dapat diagihkan dengan cepat dan telus.

Pelajar asnaf kelas pertama

Matlamat untuk melahirkan pelajar asnaf kelas pertama ini sebenarnya memerlukan penelitian yang serius daripada pihak pengu-rusan zakat.

Hal ini termasuk, penekanan bahawa golongan pelajar bukan hanya mengharapkan bantuan zakat diterima, tetapi mereka perlu dilatih berusaha gigih bagi menggapai kecemerlangan akademik.

Golongan ini juga perlu diberi ruang dan peluang untuk mengubah nasib dan taraf hidup supaya dapat keluar daripada belenggu kemiskinan dan seterusnya mampu kembali membayar zakat untuk diagihkan kepada golongan yang berkelayakan pula.

Dalam hal ini, WAZAN UPM sentiasa terbuka membantu meringankan beban kewangan pelajar dan membimbing pelajar dari sudut kaunseling supaya tidak dibiarkan hidup menderita sehingga menjejaskan pelajaran mereka hanya ke-

rana kekangan kewangan.

Golongan yang mendapat keputusan akademik kurang memuaskan perlu diberi suntikan semangat untuk terus berjuang mencapai kecemerlangan, manakala golongan yang cemerlang pula perlu diberi galakan untuk mengekalkan pencapaian ini. Bayangkan perasaan kegembiraan penerima asnaf yang menerima zakat di saat keceriaan dan senyuman di wajah mereka yang menyaksikan keadaan tersebut.

Inilah sebenarnya keadaan yang begitu besar maknanya untuk digambarkan dengan tinta.

Seharusnya golongan pelajar ini perlu bersyukur kerana masih ada pihak yang simpati terhadap nasib dihadapinya.

Barangkali ada yang menyembunyikan penderitaan hidup, namun mereka harus ingat mereka kalahkan sinar harapan buat keluar-gannya untuk menggapai segulung ijazah dengan keputusan cemerlang.

Modal pelajar asnaf kelas pertama bukan tercipta di atas ijazah sahaja, bahkan juga akhlak dan keperibadian yang mulia mampu menjadi pencorak kepada pembinaan masyarakat yang lebih bertamadun.



Muinnudin Mohd Kamal,
Naib Pengerusi
Sahabat Masjid, UPM



[FOTO HIASAN]

Hasil kutipan zakat membela fakir miskin dan nasib pelajar dibelenggu masalah kewangan.